

# 'Bantuan ini sangat besar ertinya'

Penduduk lega dapat bantuan Baitulmal bagi membaiki rumah rosak akibat ditimpa pokok durian

KUALA PILAH - "Terima kasih tak terhingga kepada Baitulmal," kata Shamsudin Mahat, 73, apabila menerima bantuan membaik pulih rumahnya di Kampung Bukit Istana Air Mawang, di sini yang dihempap pokok durian dalam kejadian 6 Oktober lalu.

Dia menerima RM6,000 dan barang keperluan dapur menerusi bantuan zakat disampaikan Adun Johol, Abu Samah Mahat.

Menurut Shamsudin, bantuan itu besar maknanya meramandangkan dia tidak mempunyai pendapatan selain menerima bantuan bulanan dari Baitulmal.

"Saya tinggal seorang diri di rumah pusaka berusia lebih 100 tahun. Dalam kejadian kira-kira 6.30 petang itu, rumah pusaka ini rosak di bahagian bumbung. Kejadian berlaku semasa angin kencang dan hujan lebat.

"Masa tu saya berada di



Kedua-dua gambar ini menunjukkan keadaan rumah setelah dihempap pokok durian berusia lebih 100 tahun.

## INFO

- Mangsa bernasib baik kerana biasanya dia akan duduk di ruang tamu ketika ribut

ruang tamu sebelum secara tiba-tiba terdengar bunyi kuat di bahagian tengah rumah," katanya.

Menurutnya, dia kemudian bergegas ke ruang tamu tersebut lalu mendapati se-

batang pokok durian berusia lebih 100 tahun menghempap rumahnya.

"Keadaan rumah dipenuhi dedaun dan dahan pokok durian. Memang saya tak sangka tragedi ini menimpa saya, namun saya bersyukur terselamat dalam kejadian ini," katanya.

Shamsudin berkata, biasanya dia akan berada di ruang tengah rumah ketika berlaku angin kencang.

"Memang menjadi ke-



Abu Samah (tengah, kanan) menyampaikan bantuan tersebut kepada Shamsudin di rumahnya.

laziman, saya akan duduk di ruang tengah bila berlaku hujan atau angin kencang.

"ALLAH memang nak selamatkan saya. Syukur saya selamat dan ALLAH telah memberi rezeki lain menerusi

bantuan wang ini," katanya.

Menurutnya, dia kini tinggal di rumah saudaranya buat sementara waktu di Taman Air Mawang, di sini.